

Isu-isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi

Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative

KHAIRUL FATIHIN SAEDAL ATAS, Universiti Kebangsaan Malaysia

AZLIN ALISA AHMAD¹, Universiti Kebangsaan Malaysia

MOHAMMAD ZAINI YAHAYA, Universiti Kebangsaan Malaysia

AMIR FAZLIM JUSOH @ YUSOFF, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021 Accepted: November 30, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Terdapat cadangan bagi aplikasi modal teroka patuh syariah di dalam koperasi-koperasi di Malaysia. Oleh kerana aplikasi ini belum lagi ada di dalam amalan koperasi-koperasi di Malaysia, terdapat keperluan menjelaskan apakah dorongan syariah melalui perspektif maqasid syariah serta isu-isu syariah yang berpotensi akan muncul. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan isu-isu syariah yang akan timbul apabila modal teroka Islam diaplikasikan oleh koperasi. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan penerokaan, di mana maklumat maklumat berkenaan pembolehubah pembolehubah yang berkait dengan aplikasi modal teroka dalam koperasi dikumpul dan dikenalpasti. Kajian ini akan meneliti risiko ketidak patuhan syariah dari sudut jalur masa sebelum, semasa dan selepas penawaran modal teroka. Risiko ini dinilai berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap potensi aplikasi modal teroka di dalam koperasi. Kajian ini akan menggunakan teknik analisis kandungan sama ada dari sumber primer dan sumber sekunder. Hasil kertas kerja ini menjelaskan dorongan syariah menurut perspektif maqasid syariah berkenaan aplikasi modal teroka Islam di dalam koperasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat isu-isu syariah pada aplikasi modal teroka di dalam koperasi sepanjang jalur masa pelaburan. Isu-isu syariah tersebut adalah berkenaan sumber dana modal teroka, penempatan dana, sumber utama koperasi primer, tanda aras patuh syariah koperasi primer, pemasaran, jalan keluar dalam konteks koperasi, zakat dan penyucian bahagian tidak halal. Oleh itu penglibatan penasihat syariah adalah satu keperluan seawal yang boleh. Implikasi kajian ini adalah ia dapat dijadikan sumber rujukan bagi aplikasi modal teroka Islam di dalam koperasi kelak. Kajian ini juga mencadangkan supaya dijalankan kajian kes terhadap modal teroka yang telah dijalankan di dalam masyarakat koperasi.

Kata kunci: Syariah, modal teroka, koperasi, aplikasi, maqasid Syariah

ABSTRACT

There is a proposed method for application of shariah-compliant venture capital in cooperative society in Malaysia. As this application is not yet available in the practice of cooperatives in Malaysia, there is a need to explain the impetus of shariah through the perspective of maqasid shariah. Furthermore, the potential shariah issues will be further elaborated. This paper aims to clarify the shariah issues that will arise when islamic venture capital being applied by cooperatives. This is an exploratory study, where information on the variables related to the application of venture capital in cooperatives will be gathered and be identified. This study will raise the risk of shariah non-compliance in terms of time frames before, during and after the venture capital offering. This risk is assessed based on studies that have been conducted on the potential application of venture capital in cooperatives. The results of this paper explain the Shariah motivation according to the perspective of maqasid shariah regarding the application of Islamic venture capital in cooperatives. The study findings indicate the existence of shariah issues in the application of venture capital investment in cooperative throughout investment timeline. The shariah issues are related to the source of venture capital funds, placement of the funds, the main activity of primary cooperatives, shariah-compliant benchmarks of primary cooperatives, marketing issues, exits strategy regarding the context of cooperatives, zakat and purification of non-halal parts. Thus, the involvement of shariah advisors is a requirement as early as possible. The implication of this study is it can be a reference for the application of islamic venture capital in cooperatives in the future. This study also suggests conducting a case study on venture capital that has been conducted in the cooperative community.

Keywords: Syariah, venture capital, cooperatives, applications, maqasid Syariah

¹ Corresponding author.

PENGENALAN

Terdapat kerisauan terhadap tahap keusahawanan dan inovasi di dalam koperasi. Ini dapat dilihat melalui pelancaran Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom) 2021-2025 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Secara umum pelan ini dirancang bagi menjalankan proses transformasi secara strategik bagi menghadapi ledakan arus perubahan teknologi industri 4.0. Perdana Menteri ketika merasmikan pelancaran TransKom tersebut telah menekankan peri pentingnya gerakan koperasi terhadap ekonomi negara kerana ia adalah penyumbang ketiga kepada ekonomi negara selepas sektor kerajaan dan swasta. Oleh itu, beliau menekankan koperasi supaya meningkatkan tahap inovasi dan tidak berada di dalam takuk yang lama bagi menghadapi cabaran mendatang.

Pelan tersebut juga menjelaskan sepuluh cabaran yang dihadapi oleh gerakan koperasi antaranya adalah keupayaan, kemampuan dan kepakaran keusahawanan yang rendah di kalangan Ahli Lembaga Koperasi (ALK). Ia perpunca dari pengetahuan dan pengalaman yang rendah dalam kalangan ALK menyebabkan koperasi tidak aktif mencari peluang perniagaan baharu. Selain itu adalah penyertaan golongan muda dan profesional di dalam gerakan koperasi masih rendah.

Golongan muda dan profesional ini merupakan aset penting dalam menggarap dunia digital dalam menjalankan perniagaan pada hari ini. Dua cabaran tadi telah memberikan gambaran kepada kita akan kepentingan meningkatkan inovasi dan keusahawanan di dalam koperasi kerana hanya ALK yang mempunyai kepakaran dan keupayaan yang tinggi dapat meningkatkan tahap keusahawanan dan inovasi di dalam koperasi. Selain itu, penglibatan lebih ramai golongan muda dan professional sebagai penggerak koperasi akan merencanakan perjalanan perniagaan koperasi.

Oleh yang demikian, Azlin Alisa dan Khairul Fatihin (2019) telah menjelaskan prospek bagi aplikasi modal teroka Islam di dalam koperasi. Prospek atau peluang ini bertitik tolak dari kemampuan modal teroka menggalakkan aktiviti berinovasi dan menolak kepada penghasilan yang lebih besar oleh gerakan koperasi. Selain itu, penulis juga telah menjelaskan terdapat model koperasi modal teroka yang telah diperkenalkan oleh Pretorius dan Schutte (2015). Model ini menjelaskan bagaimana koperasi boleh menawarkan modal teroka atau koperasi menjadi penerima dana modal teroka. Penulis seterusnya menjelaskan lanskap koperasi di Malaysia, di mana pihak pihak seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) atau Intituti Koperasi Malaysia (IKM) berpotensi untuk bekerjasama bagi melaksanakan modal teroka di peringkat koperasi.

Kajian berkenaan aplikasi modal teroka samada dalam bentuk konvensional ataupun patuh syariah di dalam koperasi masih terlalu sedikit. Selain dari dua kajian yang telah disebutkan sebelum ini terdapat juga kecenderungan kajian berkenaan koperasi platform. Koperasi jenis ini merupakan koperasi yang berpotensi mendapatkan dana modal teroka disamping mengekalkan ciri ciri unggul koperasi. Contohnya Scholz (2018) menjelaskan bagaimana koperasi platform (platform cooperativism) dapat memupuk perkongsian ekonomi, mengurangkan jurang pendapatan, dan mengurangkan pengikisan hak pengguna. Sandoval (2020) pula melihat idea berkenaan koperasi platform dari sudut ketegangan yang berpotensi muncul antara usahawan dan masyarakat atau ahli politik. Contoh koperasi platform yang telah berada di pasaran adalah seperti Stocksy United, Midata, Up & Go, Resonate, Fairmondo, dan Green Taxi Coop (Scholz 2018). Bagaimanapun Scholz (2018) menjelaskan koperasi platform ini menghadapi cabaran mendapatkan pelaburan dana kerana tidak dapat mendapatkan dana dari modal teroka kerana aplikasi ini belum menjadi amalan yang meluas di dalam konteks koperasi.

Tinjauan yang dilakukan oleh Azlin Alisa dan Khairul Fatihin (2019) mendapati terdapat koperasi yang telah mendapatkan dana modal teroka. Koperasi Savvy dilaporkan telah mendapatkan pelaburan benih daripada Indie.VC. Ahli koperasi ini adalah terdiri daripada pesakit pesakit dan orang ramai yang berminat. Ahli ahli koperasi tersebut mempunyai satu undi dan berkongsi mendapatkan keuntungan pada setiap tahun. Bagaimanapun aplikasi seperti ini adalah aplikasi yang masih asing di dalam amalan koperasi dan perlu dilakukan kajian kes yang mendalam. Kajian ini pula akan mengisi jurang kajian dari sudut aplikasi modal teroka di dalam koperasi dalam bentuk patuh syariah. Disebabkan modal teroka ini belum pernah ditawarkan oleh koperasi di Malaysia, terdapat persoalan yang perlu dirungkai terlebih dahulu sebelum penjelasan lanjut berkenaan isu isu Syariah di dalam aplikasi modal teroka di dalam koperasi. Soalan tersebut adalah seperti mengapa ianya perlu ditawarkan dalam bentuk patuh Syariah dan apakah dorongan Syariah bagi menawarkan produk ini di peringkat koperasi. Bagi tujuan itu, kajian ini dimulakan dengan penjelasan berkenaan perspektif maqasid syariah terhadap aplikasi modal teroka Islam di dalam koperasi. Kemudian, kertas kerja ini akan menjelaskan risiko risiko ketidak patuhan syariah yang akan muncul mengikut jalur masa sebelum, semasa dan selepas penawaran modal teroka.

TAKRIF MAQASID SYARIAH

Menurut Salami (2012), ulama silam tidak mentakrifkan secara tertentu berkenaan maqasid Syariah akan tetapi mereka lebih suka menjelaskan dalam bentuk huraian dan penjelasan lanjut. Bagaimanapun ulama ulama terkini telah memberikan

takrif yang jelas berkenaan maqasid Syariah seperti Syeikh Muhammad Tohir bin Asyur, Syeikh Ilal al Fasi, Syeikh Ahmad Ar Raisuni dan lain lain. Ringkasan berkenaan takrifan maqasid Syariah boleh dilihat di dalam rajah 1 seperti yang dilampirkan. Contoh takrifan secara huraian pula adalah dari imam Al Ghazali. Menurut Muhammad Abdo (2009) maqasid Syariah yang paling utama menurut imam al Ghazali adalah terdiri di atas dua perkara asas iaitu merealisasikan penghambaan (*ubudiyah*) kepada Allah swt dan merealisasikan maslahat hamba Allah di dunia dan akhirat.

Asas yang pertama ini dapat diperhatikan dari kitab ihya ulumuddin seperti berikut:

أنا نعلم بشواهد الشرع وأنوار البصائر جميعاً، أن مقصد الشرائع كلها سياق الخلق إلى جوار الله تعالى وسعادة لقائه، وأنه لا وصول لهم إلى ذلك إلا معرفة الله تعالى ومعرفة صفاته وكتبه ورسوله، وإليه الإشارة بقوله تعالى:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

أي ليكونوا عبيداً لي، ولا يكون العبد عبداً ما لم يعرف ربه بالربوبية ونفسه بالعبودية، ولا بد أن يعرف نفسه وربه، فهذا هو المقصود الأقصى بعبادة الأنبياء"

Maksudnya: "Sesungguhnya kita mengetahui menerusi dalil dari syarak dan cahaya cahaya kebenaran kesemuanya, bahawa tujuan pensyariaan kesemuanya dalam konteks penciptaan adalah supaya mereka kembali kepada Allah dan berbahagia bertemu-Nya dan ianya tidak boleh tercapai melainkan melalui makrifatullah (mengenal Allah) dengan cara mengenali sifat-sifat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya dan ayat-ayat Quran ini memberi isyarat terhadap perkara tersebut:

"dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku" Az Zariat:56

Iaitu supaya mereka menjadi hamba-hamba-Ku, dan tidak menjadi hamba kepada mereka yang tidak mengenal Tuhan-Nya sebagai Tuhan dan dirinya sebagai hamba Tuhan dan tidak lain tidak manusia hendaklah mengenali dirinya dan Tuhan-Nya dan ini adalah tujuan utama diutuskan para nabi".

Seterusnya asas kedua adalah merealisasikan maslahat hamba hamba Allah di dunia dan di akhirat. Ini dapat diperhatikan di dalam tulisan al Ghazali di dalam syifa al ghalil:

"عرفنا من أدلة الشرع أن الله تعالى بعبادته الرسل وتمهيد بساط الشرع أراد صلاح أمر الخلق في دينهم ودنياهم"

Maksudnya: Kita dapat ketahui daripada dalil dari syarak bahawasanya Allah melalui perutusan para rasul dan peletakan landasan syarak mengkehendaki kebaikan ke atas urusan makhluknya untuk agama dan dunianya.

Ia juga jelas dinyatakan di dalam ihya ulumuddin seperti berikut:

فإننا لا نشك في أن مصلحة الدين والدنيا مراد الشرع، وهو معلوم بالضرورة، وليس بمظنون

Maksudnya: dan sesungguhnya kami tidak syak bahawa masalah agama dan dunia adalah apa yang

dikehendaki oleh Syarak dan ia adalah perkara yang dikategorikan sebagai perkara yang jelas jelas diketahui hukumnya oleh orang Islam dan bukan perkara yang disangka sangka.

Bagaimanapun bagi tujuan kajian ini, takrif maqasid Syariah menurut Al Ghazali akan digunakan bagi menjelaskan dorongan maqasid Syariah terhadap aplikasi modal teroka terhadap koperasi di Malaysia.

MODAL TEROKA ISLAM DAN DORONGAN MAQASID SYARIAH

S. Black dan J. Gilson (1998) mentakrifkan Modal Teroka sebagai "pelaburan yang dibuat oleh organisasi modal teroka yang khusus di dalam firma perniagaan yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi, risiko yang tinggi, yang biasanya berteknologi tinggi yang memerlukan modal untuk membiayai pembangunan produk atau pertumbuhan syarikat, yang mana secara semulajadi semestinya memerlukan modal yang besar dalam bentuk pelaburan ekuiti berbanding hutang." Daripada takrifan ini kita dapati modal teroka hanya memberikan pelaburannya kepada firma perniagaan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi dan biasanya memerlukan modal yang besar. Ia juga menjelaskan modal teroka adalah sebahagian bentuk pembiayaan ekuiti yang wujud di dalam pasaran. Risiko yang tinggi di dalam firma perniagaan yang dipilih juga dilihat setara dengan potensi pulangan yang tinggi. Firma perniagaan tersebut biasanya dirujuk sebagai atau syarikat permulaan (start-up company).

Secara konsepnya modal teroka Islam mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan modal teroka konvensional dari sudut masing-masing menawarkan khidmat perkongsian risiko berbanding perpindahan risiko (Centre 2015). Risiko kerugian perniagaan adalah dikongsi bersama antara pelabur dan pengusaha perniagaan manakala keuntungan adalah berdasarkan persetujuan nisbah yang dipersetujui. Perbezaan yang ketara antara keduanya hanyalah dari sudut modal teroka Islam dilaksanakan mengikut lunas lunas Syarak, tidak melanggar perkara-perkara yang dilarang oleh Syarak dan aktiviti utama perniagaan tersebut mestilah tidak melibatkan perkara-perkara yang dilarang seperti Riba, Gharar, dan Maysir.

Aspek kepatuhan Syariah ini secara zahirnya tidaklah menjadikan sesebuah pelaburan lebih berisiko untuk gagal atau lebih tinggi peluang mendapatkan keuntungan berbanding modal teroka konvensional tetapi ia adalah sebahagian dari perkara-asasi dalam pengurusan harian pelaburan modal teroka Islam. Seorang muslim yang menjunjung nilai kehambaan (*ubudiyah*) dan nilai kepatuhan kepada keesaan Allah (*uluhiyyah*) menjadikan kepatuhan Syariah ini adalah sebahagian dari perkara-asasi dalam pergerakan aktiviti ekonominya termasuk pelaburan modal teroka. Mereka juga tidak boleh mengabaikan perkara-perkara asas kepada kejayaan sebuah pelaburan modal teroka seperti kemahiran

pengurusan (Wang 2006), kefahaman terhadap pasaran (Bruton, Ahlstrom, & Yeh 2004), kualiti perniagaan yang dilaburkan kepadanya (Nigam, Benetti, & Johan 2020), jaringan perniagaan (Madhavan & Iriyama 2009) dan seumpama dengannya.

Oleh itu, dorongan maqasid Syariah lebih jelas sekiranya kita melihat dalam konteks seorang muslim sejati perlu berpegang dengan nilai kehambaan. Nilai kehambaan seorang muslim pula menuntut supaya mereka sentiasa akur atas segala ketetapan yang telah ditetapkan oleh tuhan-Nya. Keesaan Allah pula dapat dijunjung sebagai sumber hukum atas segala tindak tanduk kita.

Oleh sebab itu, Kamaruzaman, Fadillah, dan Rizal (2005) mentakrifkan syarikat modal teroka Islam sebagai syarikat yang membuat pelaburan atau mengendalikannya dana pelaburan dalam syarikat penerima modal teroka yang melaksanakan projek-projek berisiko tinggi atau projek-projek teknologi baru berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Sebelum itu Al-Rifai dan Khan (2000) telah mentakrifkan modal teroka Islam sebagai pelaburan ekuiti yang dibuat kepada syarikat permulaan yang akan melalui kitaran pelaburan modal teroka bermula dengan pengumpulan dana, pelaburan, penilaian dan diakhiri dengan pengeluaran pelaburan dan kesemua perkara ini distrukturkan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

Aplikasi modal teroka ini adalah salah satu bentuk penaiktarafan bentuk pembiayaan ekuiti yang telah wujud pada masa silam seperti mudharabah dan musyarakah. Selari dengan perkembangan dunia, bentuk pelaburan juga telah berkembang. Ini menunjukkan dinamika kontrak di dalam Islam di mana terdapat perkara yang masih kekal dan tidak berubah sepanjang zaman seperti pengharaman riba, gharar dan maysir. Dalam masa yang sama, Islam tidak menolak sebarang perubahan atau penaiktarafan dari kontrak sedia ada selagi mana perkara perkara yang jelas pengharamannya tidak dilanggar.

PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH TERHADAP MODAL TEROKA

Maqasid menjaga harta melalui konteks perbincangan Al Ghazali adalah dalam kerangka memastikan kesejahteraan seseorang muslim dalam mendapat rezeki dan memelihara rezeki yang ada supaya ia tidak menghalangnya atau menyempitkan usaha seseorang hamba itu daripada terus menyerahkan pengabdian diri kepada Allah. Tidak sempurna penghambaan seseorang hamba melainkan dia mengenali tuhan-Nya sebagai tuhan dan dirinya sebagai hamba Allah. Kedua dua perkara ini juga tidak dapat dicapai melainkan ia hidup di atas muka bumi ini dengan kehidupan yang baik seperti mempunyai pakaian, tempat tinggal, makanan, minuman, pendidikan dan seumpama dengannya.

Dalam konteks situasi hari ini Yusof, Kashoogie, dan Kamal (2009) melihat, sistem kewangan Islam

yang sangat sangat diharapkan oleh cendekiawan syariah dan pakar ekonomi Islam adalah di mana terdapat penekanan yang lebih terhadap pembiayaan ekuiti contohnya pembiayaan modal teroka. Melalui pembiayaan ini, kewangan Islam tidak lagi membezakan antara sektor kewangan dan sektor ekonomi sebenar kerana pembiayaan ekuiti disokong oleh aset yang sebenar dan bukan semata mata aset kewangan. Kewangan Islam perlu terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan yang sebenar dan menanggung risiko yang sama samada keuntungan atau kerugian (Febianto & Kasri 2007). Akhirnya, kewangan Islam akan menjalankan pengurusan risiko yang sebenar di mana kebolehlaksanaan sesebuah projek akan benar benar dinilai secara langsung.

Dengan cara ini, tahap ekonomi akan dapat ditingkatkan dan peluang pekerjaan dapat dicipta. Selain itu, jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin dapat dieratkan lagi. Perkara ini menjadi kritikal dalam konteks Malaysia apabila kita menghadapi masalah dalam menempatkan siswazah siswazah selepas graduasi. Contohnya kita menyaksikan dalam tempoh 10 tahun yang terakhir terdapat seramai 4,390 graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Universiti Awam tidak mendapat peluang temuduga bagi penempatan sebagai guru di sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Mohd Sobhi 2021). Contoh yang lain adalah siswazah perubatan di mana dilaporkan hanya 50 peratus graduan bumiputra berjaya dilantik menjadi pegawai perubatan selepas menamatkan kontrak (Fadhli 2021). Perkara ini menjadi semakin hangat apabila doktor yang berstatus kontrak tidak mendapat sebarang penempatan tetap sekalipun kontrak mereka telah tamat (Kwan 2021).

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Institute for Research & Development of Policy (IRDP) pula universiti universiti di Malaysia berjaya melahirkan sekitar 200,000 orang graduan tempatan samada di peringkat diploma atau sarjana muda pada setiap tahun (Mohd Ariff Mohd Daud & Asma Anuar 2019). Namun, dari sudut pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi yang sesuai dengan kelayakan graduan ini adalah sangat kurang. Akhirnya mereka terpaksa menerima apa jua pekerjaan dengan gaji yang sangat rendah berbanding kelayakan yang dimiliki.

Situasi situasi yang disebutkan tadi menggambarkan kesempitan yang dihadapi oleh golongan muda dalam mencari harta melalui pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Menurut huraian Al Ghazali, maqasid menjaga harta penting bagi memastikan maslahat sebagai seorang hamba terpelihara sementara kehambaan kepada Allah dapat direalisasi dengan lebih sempurna. Harapan cendekiawan Syariah dan pakar ekonomi Islam jelas kelihatan di sini di mana pembiayaan perkongsian untung rugi atau pembiayaan ekuiti perlu diperluaskan berbanding pembiayaan jenis hutang. Sekiranya keadaan berterusan seperti yang ada, pastinya kita dapat gambarkan betapa sempitnya kehidupan generasi akan datang.

Pakar pakar kewangan Islam perlu lebih terdorong dalam merangsang peningkatan aktiviti ekonomi yang memberi penghasilan yang tinggi kepada negara. Kefahaman mereka berkenaan peri pentingnya ubudiyah kepada Allah dan pemeliharaan maslahat orang ramai memberi tekanan kepada diri mereka supaya memikirkan cara untuk meluaskan pelaburan ekuiti contohnya mewujudkan modal teroka di peringkat koperasi di Malaysia. Pemikiran patuh Syariah pula tidak boleh terhad kepada proses mentakyifkan sesuatu akad bagi mematuhi Syariah, tetapi ia perlu ke arah meningkatkan keberhasilan sesebuah negara, pulangan ekonomi kepada rakyat jelata, dan pengagihan kekayaan dengan lebih saksama.

Oleh itu, maqasid Syariah dapat digunakan dalam menggalakkan pembinaan kekayaan melalui pelaburan modal teroka. Pemimpin masyarakat perlu melihat kearah pembinaan kesejahteraan masyarakat dengan cara menghilangkan sebarang kesusahan di dalam masyarakat dalam mendapatkan harta dan kekayaan. Keadilan ekonomi pula akan dapat dibina bermula dengan memastikan setiap ahli masyarakat mendapatkan haknya dalam membina kekayaan dan kekayaan tersebut mestilah terpelihara dari sebarang bahaya kecurian atau rompakan.

Semanganya pelaburan modal teroka tidak boleh diberikan kepada semua bentuk perniagaan. Hanya bentuk perniagaan yang mempunyai potensi tinggi untuk melonjak sekalipun memikul risiko yang tinggi sahaja akan dipilih. Namun, kejayaan syarikat permulaan sekalipun tidak banyak bilangannya sudah cukup untuk membentuk lanskap ekonomi yang baru di dalam negara. Contohnya syarikat teknologi seperti Google, Facebook, Amazon dan seumpama dengannya. Pasti kejayaan syarikat syarikat ini telah membuka peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi kepada warga negara yang terlibat dan memberikan penghasilan yang tinggi kepada negara.

HASIL KAJIAN ISU ISU SYARIAH BAGI APLIKASI MODAL TEROKA DALAM KOPERASI

Aplikasi modal teroka di dalam koperasi boleh dilihat dari dua sudut. Pertama koperasi sebagai syarikat modal teroka atau disebut sebagai koperasi sekunder. Koperasi ini berfungsi sebagai sebuah kenderaan menguruskan dana pelaburan. Koperasi kedua pula adalah koperasi yang menerima dana modal teroka atau yang menjalankan usaha niaga secara langsung. Koperasi ini juga disebut sebagai koperasi primer. Aplikasi ini tidak terhad antara koperasi primer dan koperasi sekunder sahaja. Bahkan boleh sahaja koperasi primer menerima pelaburan modal teroka dari syarikat modal teroka yang lain. Begitu juga, koperasi sekunder boleh sahaja memberikan pelaburan modal teroka kepada syarikat permulaan yang bukan koperasi (Pretorius & Schutte 2015). Hasil kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian

mengikut jalur masa penawaran produk iaitu sebelum, semasa dan selepas. Sebelum pelaburan melibatkan pengumpulan dana daripada pelabur kepada syarikat modal teroka dan proses sebelum pelaburan dimuktamadkan. Semasa pelaburan pula melibatkan pantauan pelaburan. Selepas pelaburan pula melibatkan jalan keluar pelaburan tersebut dan peringkat menuai pelaburan yang telah dijalankan. Tiga jalur masa ini dihuraikan dan diringkaskan di dalam rajah 2.

Sebelum Penawaran Modal Teroka

Syarikat modal teroka secara umumnya memainkan dua peranan penting. Pertama ia berperanan sebagai sebuah kenderaan bagi pengurusan dana pelaburan yang dapat mengumpulkan dana dari mereka yang ingin melabur kepada mereka. Kedua, ia memainkan peranan sebagai pembiaya yang juga menambah nilai terhadap syarikat permulaan yang terpilih. Sekiranya koperasi menawarkan dana modal teroka, pastinya ia akan berusaha bagi mendapatkan dana pelaburan seterusnya menguruskan dana tersebut bagi mendapatkan pulangan yang diharapkan.

Dana yang dikumpul dari pelabur pelabur perlulah dikumpulkan dan ditempatkan di tempat yang mematuhi Syariah seperti deposit patuh Syariah atau diletakkan di pasaran wang (money market placement) yang lain. Selain itu, sumber modal mestilah bukan dari sumber yang diyakini haram. Sekiranya wang yang diterima benar benar diyakini dari sumber yang haram dan mencurigakan ia perlu dirujuk kepada penasihat Syariah. Keputusan penasihat Syariah perlu diperolehi sebelum pelaburan tersebut diterima.

Menurut Mohammad Fairouz dan Ansary (2017) sesebuah perbankan yang mendakwa patuh Syariah boleh terus menerima deposit melainkan dalam dua keadaan iaitu apabila wang tersebut memang jelas jelas diketahui secara tertentu bahawa ianya diperolehi dari sumber yang tidak mematuhi Syariah dan yang kedua apabila perbankan Islam menerima deposit dari mereka ia akan membawa imej dan reputasi yang buruk kepada perbankan Islam. Keadaan yang sama boleh dipakai di mana koperasi boleh mendapatkan pelaburan tanpa melakukan penapisan yang ketat terhadap sumber wang tersebut. Bagaimanapun, apabila sumber wang tersebut jelas jelas dari sumber yang haram dan boleh membawa imej dan reputasi yang buruk kepada koperasi atau dana modal teroka ia hendaklah dihalang.

Pelabur pelabur yang berminat melabur kepada dana modal teroka adalah seperti pelabur tidak formal (angel investor), institusi institusi, badan badan korporat dan individu individu dengan nilai bersih tinggi. Koperasi perlulah memastikan mereka benar benar jujur dalam menjelaskan prestasi pelaburan sekalipun dengan alasan ingin menarik minat pelabur pelabur. Mereka tidak boleh menggunakan tipu helah dalam menjelaskan perestasi lepas. Seterusnya apabila pelaburan tersebut berjaya menarik minat

pelabur pelabur, penasihat Syariah mestilah memastikan mandat pelaburan yang ditetapkan tidak melanggar hukum hakam Syarak.

Dari aspek pelaburan kepada syarikat permulaan atau koperasi primer pula, penilaian terhadap syarikat tersebut perlulah dilakukan terlebih dahulu (Pretorius & Schutte 2015). Aktiviti perniagaan syarikat permulaan atau koperasi primer hendaklah tidak melibatkan perkara perkara yang tidak dibenarkan oleh Syarak. Penilaian atau penapisan ini tidak dapat dilakukan mengikut senarai saham patuh Syariah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SS) setiap setengah tahun kerana senarai itu adalah bagi syarikat yang tersenarai di dalam pasaran saham sedangkan syarikat permulaan belum lagi tersenarai di dalam pasaran saham (Mutalip & Lutfi 2000). Oleh itu, penasihat Syariah perlu dilantik dan dilibatkan sejak awal penubuhan dana modal teroka.

Selepas pelantikan penasihat Syariah, panel Syariah perlulah menilai syarikat permulaan atau koperasi primer yang terbabit dari sudut operasi utamanya dan syarikat itu sendiri seperti asetnya, jumlah hutang kepada perbankan konvensional, dan akaun belum terima dari sumber tidak patuh Syariah. Semua perkara ini hendaklah mematuhi prinsip prinsip Syariah seperti rukun dan syarat dan tidak ada perkara yang melanggar hukum syarak seperti riba, gharar dan maysir. Sekiranya terdapat perkara yang melibatkan percampuran, penasihat Syariah perlu menentukan penanda aras yang dibenarkan. Contoh aktiviti yang tidak dibenarkan oleh Syarak adalah seperti menjual, memproses atau menyediakan babi, arak dan daging yang tidak halal. Selain itu adalah memberikan perkhidmatan kewangan konvensional dan berurusan dengan perjudian. Perniagaan yang melibatkan hiburan melampau juga tidak dibenarkan Syarak seperti perniagaan kelab malam, mempromosikan bahan bahan lucuh dan seumpama dengannya. Aktiviti utama syarikat yang ingin dilaburkan kepadanya hendaklah tidak melibatkan perkara perkara yang telah disebutkan. Sekiranya ianya bukan aktiviti utama syarikat, kayu ukur tertentu hendaklah ditetapkan oleh penasihat Syariah.

Dari sudut penilaian terhadap aset syarikat pula, sekiranya aset tersebut bercampur dengan aset tidak patuh Syariah seperti deposit dan sekuriti berasaskan riba. Panel Syariah perlulah menentukan penanda aras yang tertentu untuk digunakan bagi tujuan penapisan Syariah bagi syarikat yang ingin dilaburkan kepadanya. Terdapat pelbagai metodologi yang telah digunapakai dalam penapisan Syariah seperti metodologi penapisan Syariah Indeks MSCI (Morgan Stanley Capital International), metodologi penapisan Syariah Indeks Dow Jones Islamic World (DJIIM), metodologi penapisan Syariah Indeks Syariah Bursa Saham Financial Times (FTSE), metodologi penapisan Syariah Indeks Syariah Standard dan Poor (S&P) dan metodologi penapisan Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sekiranya panel Syariah mengambil pendekatan Suruhanjaya Sekuriti, ia perlulah mematuhi syarat

syarat yang dinyatakan di dalam rajah 2. Bersama dengan proses tapisan piawaian Syariah, terdapat juga proses penapisan lain yang mesti dilakukan seperti usaha wajar perakaunan, usaha wajar perniagaan, dan usaha wajar perundangan. Penasihat Syariah mestilah juga mendapat gambaran ringkas terhadap dapatan dari usaha wajar tersebut supaya pandangan mereka tepat dan tidak mengabaikan aspek aspek yang lain seperti model perniagaan yang sedang dijalankan atau ingin dikembangkan, perakaunan dan undang undang. Penasihat Syariah perlu dibantu bagi memahami beberapa perkara teknikal yang mustahak supaya nasihat yang diberi adalah datang dari gambaran yang menyeluruh terhadap perniagaan tersebut.

Begitu juga, penawaran penstrukturan dan penawaran perundangan oleh peguam yang terlibat perlulah dilakukan dengan dalam bentuk patuh Syariah. Peguam yang terlibat perlu mengambil kira aspek kepatuhan Syariah dalam proses tersebut. Struktur pelaburan yang dipilih samada musyarakah, atau mudharabah atau wakalah perlu dinilai samada mematuhi segala syarat dan rukun. Selepas persetujuan telah dimetrai, peguam perlu menyediakan dokumen pelaburan seperti perjanjian pemegang saham, perjanjian penyertaan, perjanjian jualan saham, dan lain lain lagi. Bentuk bentuk saham yang dikeluarkan juga perlu diperhatikan agar tidak ada yang tidak mematuhi Syariah. Oleh itu sebelum semua perjanjian dimuktamadkan, panel Syariah perlu dirunding sebaiknya.

Semasa Pelaburan Modal Teroka Dijalankan

Selepas perjanjian telah dimuktamadkan dari segala sudut termasuk sudut perniagaan, undang undang, perakaunan, dan Syariah, perjanjian bolehlah dimetrai oleh kedua belah pihak. Pelabur tidak boleh berlepas tangan selepas pelaburan telah diberikan. Inilah salah satu ciri unggul modal teroka berbanding pelaburan lain. Pengurus pelaburan akan bertanggungjawab memastikan terdapat pertambahan nilai bagi syarikat permulaan yang terbabit. Bahkan mereka boleh masuk campur dalam urusan syarikat permulaan tersebut dengan cara yang berhemah bagi memastikan kos operasi digunakan dengan optima dan pertumbuhan syarikat dapat dicapai seperti yang dirancang.

Oleh kerana pelaburan yang besar tidak diberikan secara sekaligus, syarikat permulaan perlu sentiasa menilai sejauh mana pencapaian mereka terhadap tanda aras pencapaian yang telah ditetapkan di awal pelaburan. Pengurus pelaburan dan syarikat permulaan atau koperasi primer perlu memastikan segala faktor yang boleh menggagalkan perancangan diurus dan ditadbir dengan baik. Oleh sebab itu, syarikat permulaan masih perlu membuat perundingan dengan peguam bagi khidmat undang undang, akauntan bagi khidmat perakaunan, panel Syariah bagi khidmat nasihat Syariah.

Bagi pelaburan yang diberikan kepada syarikat yang bercampur aset atau aktiviti tidak patuh Syariah,

panel Syariah perlu menilai kedudukan semasa syarikat tersebut kepada piawaian atau tanda aras Syariah. Sekiranya tahap aset atau aktiviti tidak patuh Syariah tersebut menjadi tinggi berbanding piawaian yang dibenarkan, langkah langkah lanjut perlu dilakukan bagi memastikan ia dapat dikurangkan.

Akhir sekali, pemasaran produk atau perkhidmatan oleh syarikat permulaan atau koperasi primer hendaklah mematuhi Syariah. Iklan iklan yang meragukan dan tidak tepat perlu dihentikan. Aspek kesopanan dan pendedahan aurat perlulah diambil berat. Pensijilan halal adalah digalakkan di mana ia dapat memberikan keyakinan kepada pengguna muslim dan meningkatkan lagi industri halal.

Selepas Pelaburan Modal Teroka Mengambil Jalan Keluar

Pengurus pelaburan perlu membuat keputusan waktu yang sesuai untuk keluar dari pelaburan yang telah dijalankan. Penilaian perlulah dilakukan dengan telus dan jujur tanpa ada penipuan, peras ugut, atau rasuah. Selepas penilaian telah dijalankan dengan baik, pelabur boleh membuat keputusan untuk memilih masa dan teknik yang sesuai untuk keluar dari pelaburan yang telah diberikan.

Selepas proses keluar pelaburan telah dijalankan, hasil yang diharapkan adalah kedua dua syarikat berjaya mendapatkan keuntungan berlipat kali ganda. Panel Syariah perlulah memastikan agihan keuntungan adalah menepati perjanjian yang telah dibuat di awal perundingan bergantung kepada struktur kontrak yang telah dipilih. Setiap bentuk pelaburan mempunyai bentuk agihan tersendiri samada dari sudut keuntungan atau kerugian. Contohnya sekiranya bentuk yang dipilih adalah mudarabah, keuntungan adalah mengikut peratusan yang dipersetujui dan kerugian adalah ditanggung oleh pelabur atau rabbul mal sahaja.

Bagi pelaburan yang melibatkan aset atau aktiviti tidak patuh Syariah, bahagian tidak patuh Syariah perlulah dikenalpasti supaya ia dapat dilepaskan dari pendapatan syarikat. Ianya boleh disalurkan kepada lembaga zakat negeri atau badan badan kebajikan yang berdaftar. Sekiranya syarikat ingin membayar zakat bagi pihak pelabur, kiraan zakat perlulah mendapat pengesahan penasihat Syariah. Sekiranya tidak, pelabur pelabur yang terlibat perlulah diperingatkan akan zakat mereka.

PERBINCANGAN

Melalui perbincangan maqasid Syariah kita sedar terdapatnya keperluan supaya kewangan Islam menekankan keusahawanan dan konsep pembiayaan ekuiti seperti modal teroka. Bagaimanapun, kita tidak menjamin tidak ada pihak yang mengambil kesempatan menjalankan penipuan samada dari pihak pelabur atau pihak usahawan atau pihak ketiga sekalipun. Perkara ini perlu diambil perhatian dengan

bersungguh sungguh terutamanya dari pihak kerajaan agar ia benar benar dapat dilaksanakan dan tidak ada sebarang manipulasi.

Dorongan maqasid Syariah bukan sahaja mendorong penasihat Syariah melihat pematuhan Syariah sepanjang operasi modal teroka dalam koperasi, bahkan ia juga sepatutnya mendorong semua pihak di dalam ekosistem koperasi dan modal teroka dalam menjayakan perkara ini. Pihak atasan perlu membina kesedaran awam supaya semua pihak di dalam ekosistem koperasi bekerjasama bagi menjayakan keusahawanan yang unik ini. Sekiranya tidak, koperasi akan terperangkap dalam takuk yang lama dan orang muda tidak dapat mencari peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Melalui jalur masa yang telah disebutkan tadi pula, terdapat beberapa perkara yang perlu dilihat dengan lebih teliti. Contohnya keperluan pelantikan panel Syariah seawal yang mungkin kerana terdapat risiko ketidak patuhan Syariah sebelum penawaran modal teroka oleh koperasi kepada syarikat permulaan. Namun ia tidak menafikan keadaan apabila terdapat koperasi yang menawarkan modal teroka konvensional kemudian harinya ingin menerapkan kepatuhan Syariah di dalam strukturnya. Disebabkan modal teroka belum lagi ditawarkan oleh koperasi di Malaysia, maka perhatian ini perlulah ditekankan lebih awal oleh pihak pengurusan tertinggi koperasi di peringkat kebangsaan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Perbincangan mengenai tanda aras pematuhan Syariah samaada dari sudut aktiviti ataupun kewangan perlu dibincang lumat oleh panel Syariah dan pengurusan tertinggi koperasi. Ia tidak semestinya menggunakan penanda aras yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia kerana struktur koperasi tidak sama seperti syarikat biasa. Terdapat juga elemen elemen unik yang hanya terdapat di dalam masyarakat koperasi contohnya prinsip dan falsafah koperasi.

Jalan keluar pelaburan pula perlu dilihat oleh koperasi dan penasihat Syariah dengan teliti. Oleh kerana ia melibatkan koperasi mungkin terdapat bentuk lain sebagai jalan keluar dari pelaburan yang telah dibuat. Sekiranya kaedah atau bentuk tersebut adalah perkara yang baru, penasihat Syariah mungkin perlu menjelaskan takyif syarie bagi membandingkan aplikasi sedia ada dalam kitab kitab fiqh dengan aplikasi baru. Penasihat Syariah perlu melihat dari sudut rukun, syarat, sah, batal, tiada perkara yang melibatkan perkara yang diharamkan oleh syarak seperti riba, gharar, dan maisir.

Pengurusan koperasi juga perlu membuat pertimbangan akan ada kegagalan terhadap pelaburan yang dijalankan. Koreksi perlu diadakan pada setiap pelaburan yang dibuat agar kelemahan atau kekuatan yang telah dilakukan direkodkan dan dijadikan bekalan untuk sesi pelaburan seterusnya. Himpunan himpunan koreksi ini akan menjadi himpunan himpunan pengalaman yang akan

meningkatkan nilai sesebuah koperasi yang menawarkan modal teroka.

Contohnya sesebuah usahawan gagal setelah usaha usaha wajar dijalankan dengan bersungguh sungguh. Situasi ini perlu dinilai dan dipastikan apakah kelemahan yang masih ada yang belum dikenalpasti. Semua ini dilakukan atas semangat meningkatkan keusahawan, meningkatkan keupayaan koperasi, dan membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Panel Syariah juga perlu mendapatkan dapatan dari koreksi yang dijalankan agar tidak ada perkara yang mungkin boleh dipertimbangkan terlepas bagi keputusan Syariah pada masa akan datang.

Selain itu, terdapat isu lain di mana terdapat kos tambahan yang terpaksa ditanggung oleh modal teroka patuh Syariah. Hal ini jelas dilihat apabila sejak awal penawaran modal teroka terdapat risiko ketidak patuhan Syariah. Oleh itu, panel Syariah perlu dilibatkan dengan lebih awal dan sememangnya ia memerlukan kos tambahan. Oleh itu, kerajaan perlu memberikan insentif khas kepada penawaran modal teroka patuh Syariah terutama di dalam masyarakat koperasi

KESIMPULAN

Kesimpulannya, maqasid Syariah sangat menggalakkan modal teroka patuh Syariah diaplikasikan di peringkat koperasi agar nilai ubudiyiah dapat ditingkatkan dan nilai uluhiyyah dapat dihayati. Ia juga sepatutnya menjadi dorongan kepada semua pihak dalam ekosistem koperasi supaya bekerjasama menjayakan penawaran modal teroka patuh Syariah di dalam koperasi. Sekiranya ia ingin ditawarkan, penasihat Syariah perlu dilibatkan di peringkat awal lagi kerana terdapat risiko ketidakpatuhan Syariah sebelum penawaran modal teroka ini.

Isu-isu Syariah sebelum pelaburan dijalankan adalah bagaimana dana modal teroka disimpan dan bagaimana syarikat modal teroka atau koperasi sekunder menerima deposit dari pelabur. Seterusnya adalah bagaimana penasihat Syariah menentukan tanda aras Syariah yang bersesuaian untuk digunakan bagi menapis syarikat permulaan atau koperasi primer. Struktur pelaburan juga perlu diperhatikan agar ianya bersesuaian dan tidak melanggar prinsip prinsip syarak.

Isu-isu Syariah semasa pelaburan dijalankan adalah bagaimana syarikat yang telah diberikan pelaburan sentiasa mematuhi tanda aras Syariah yang telah ditetapkan oleh penasihat Syariah. Aktiviti pemasaran produk atau perkhidmatan perlulah mematuhi Syariah dan dilakukan dengan sopan, tepat dan tidak melanggar batas batas aurat. Penasihat Syariah perlu memantau dari semasa ke semasa aktiviti syarikat sekalipun penapisan Syariah telah dijalankan sebelum pelaburan dilepaskan.

Isu-isu Syariah selepas pelaburan pula adalah bagaimana perolehan dari aktiviti tidak patuh Syariah perlu diasingkan dan disalurkan kepada badan badan

kebijakan. Penasihat Syariah pula perlu menilai bagaimana agihan keuntungan atau kerugian dijalankan selepas jalan keluar dilaksanakan. Mereka juga perlu membuat keputusan apakah kaedah zakat yang ingin digunakan apabila syarikat memperolehi keuntungan.

Selain isu isu syariah, aplikasi tersebut hendaklah dilaksanakan secara professional dan teliti. Ini dapat menjaga imej kepatuhan syariah sekalipun melibatkan pelaburan yang berisiko tinggi. Lebih lebih lagi koperasi mempunyai ciri ciri unggul yang tersendiri yang berbeza dengan syarikat milikan tunggal ataupun syarikat pergkongsian. Oleh itu, aplikasi semasa modal teroka patuh syariah diubahsuai bagi menyesuaikan dengan realiti yang terdapat di dalam koperasi. Contohnya penilaian terhadap tanda aras kepatuhan syariah dan jalan keluar terhadap pelaburan.

Akhirnya kajian ini mencadangkan supaya dijalankan kajian kes terhadap aplikasi modal teroka yang telah dijalankan di dalam masyarakat koperasi kerana ia merupakan satu fenomena yang istimewa dan tidak berlaku secara meluas.

RUJUKAN

- Al-Fasi. 1993. *Maqasid Al-Syari'ah Al-Islamiyyah Wa Makarimuha*. Tunisia: Dar-al Gharb Al Islami.
- Al-Rifai, T., & Khan, A. 2000. *The role of venture capital in contemporary Islamic Finance*. Retrieved June, 23, 2007.
- Ar Raisuni, A. 1990. *Nadzariyyat al-Maqâshid inda al-Syathibi*. Beirut: Dar al-Salam.
- Azlin Alisa, & Khairul Fatihin. 2019. Prospek Aplikasi Modal Teroka Islam dalam Koperasi di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2): 22-33.
- Bruton, G., Ahlstrom, D., & Yeh, K. S. 2004. Understanding venture capital in East Asia: The impact of institutions on the industry today and tomorrow. *Journal of World Business*, 39(1): 72-88.
- Centre, M. I. I. F. 2015. *Islamic Finance: An Ideal Model for Private Equity and Venture Capital in Malaysia*. International Islamic Financial Centre: 1-5.
- Fadhli, M. 2021. Lambakan graduan perubatan bumiputera. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/06/lambakan-graduan-perubatan-bumiputera/>
- Febianto, I., & Kasri, R. 2007. *Why do Islamic banks tend to avoid profit and loss sharing arrangements?* Paper presented at the 2nd Islamic Economics Conference.
- ibn'Asyur, M. T. 2001. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafais.

- Kamaruzaman, N., Fadillah, M., & Rizal, M. 2005. Aplikasi Uqud al-Isytirak dalam pembiayaan usahawan muslim: Analisis terhadap syarikat modal usaha niaga secara islam.
- Kwan, F. 2021. Contract doctors, hartal and Code Black – what it's all about. *freemalaysiatoday*. Retrieved from <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/29/contract-doctors-hartal-and-code-black-what-its-all-about/>
- Madhavan, R., & Iriyama, A. 2009. Understanding global flows of venture capital: Human networks as the “carrier wave” of globalization. *Journal of International Business Studies*, 40(8), 1241-1259.
- Mohammad Fairouz, A. K., & Ansary, R. 2017. Accepting Deposits in Islamic Banking Operations: Shairah Issues and General Parameters. Retrieved from <https://ifikr.isra.my/library/pub/9741/accepting-deposits-in-islamic-banking-operations-shar%20C4%AB%CA%BFah-issues-and-general-parameters>
- Mohd Ariff Mohd Daud, & Asma Anuar. 2019. Pengangguran & Bekerja di Bawah Potensi dalam Kalangan Graduan Muda di Malaysia: Satu Bom Jangka. Retrieved from
- Mohd Sobhi. 2021. Rangka strategi baharu atasi lambakan graduan pendidikan. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/05/821228/rangka-strategi-baharu-atasi-lambakan-graduan-pendidikan>
- Muhammad Abdo. 2009. *Al-Fikr al-Maqasidi 'ind al-Imam al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mutalip, & Lutfi, A. 2000. Islamic Venture Capital And Private Equity : Legal Issues And Challenges. *AZMI & Associates Advocates & Soicitors*, 1-36.
- Nigam, N., Benetti, C., & Johan, S. A. 2020. Digital start-up access to venture capital financing: What signals quality? *Emerging markets review*, 45, 100743.
- Pretorius, M. A., & Schutte, C. S. L. 2015. Cooperative Venture Capital Model: Engineering an Innovation Pipeline. *Iamot*, 1325-1347. Retrieved from <http://iamot2015.com/2015proceedings/documents/P178.pdf%5Cnpapers3://publication/uuid/9AFBD77A-BFD7-485E-8CDC-C44F4358D503>
- S. Black, B., & J. Gilson, R. 1998. Venture capital and the structure of capital markets: banks versus stock markets. *Journal of Financial Economics*, 47, 243-277. doi:10.1016/S0304-405X(97)00045-7
- Salami, F. 2012. The Maqasid Theory in Imam Ghazali's View: Textual Analytical Study. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 3(2), 178-214.
- Sandoval, M. 2020. Entrepreneurial activism? Platform cooperativism between subversion and co-optation. *Critical Sociology*, 46(6), 801-817.
- Scholz, T. 2018. How to Coop The Digital Economy. *Money Lab*, 197.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Frequently Asked Questions On Revised Shariah Screening Methodology. Retrieved from <https://www.sc.com.my/regulation/regulatory-faqs/frequently-asked-questions-on-revised-shariah-screening-methodology>
- Wang, C. 2006. Key success factors and career risks for junior-level personnel in venture capital. *The Journal of Private Equity*, 10(1), 73-79.
- Yusof, E., Kashoogje, J., & Kamal, A. 2009. Islamic Finance: Debt versus Equity Financing in the Light of Maqasid al-Shari'ah. University Library of Munich, Germany, MPRA Paper.

Khairul Fatihin Saedal Atas
p90074@siswa.ukm.edu.my
Pelajar Siswazah,
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Azlin Alisa binti Ahmad
azlinalisa@ukm.edu.my

Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Mohammad Zaini Yahaya
zainiyahya@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Amir Fazlim Jusoh @ Yusoff,
amiry@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

LAMPIRAN

Rajah 1: Takrif maqasid Syariah menurut ulama kontemporari

No	Ulama	Takrif
1.	(ibn'Asyur, 2001)	Pengajaran pengajaran dan hikmah hikmah yang dapat dinilai di dalam semua atau kebanyakan pensyariatkan yang disyariatkan oleh Allah, di mana penilaian ini tidak dilakukan dalam bentuk atau jenis yang khas dari hukum hakam Syariah, termasuk di dalamnya (maqasid Syariah) sifat sifat Syariah, matlamat umum Syariah, pengajaran pengajaran Syariah yang dapat dinilai terus dari pensyariatkan, dan semua hikmah hikmah yang tidak dinilai terus dari pensyariatkan tetapi dapat dinilai dari jenis jenis hukum yang banyak.
2.	(Al-Fasi, 1993)	Matlamat dari pensyariatkan dan rahsia rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah pada setiap hukum di dalam hukum hakam-Nya.
3.	(Ar Raisuni, 1990)	Matlamat matlamat yang telah ditetapkan oleh Syariah bagi memastikan tercapainya maslahat hamba hamba-Nya.

Rajah 1: Penilaian kuantitatif metodologi penapisan Syariah Suruhanjaya
Sekuriti Malaysia (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)

Penilaian Kuantitatif	Methodologi Penapisan Syariah yang telah dikemaskini
Penanda Aras Aktiviti Perniagaan	<ul style="list-style-type: none">• 5%: Perbankan konvensional; Insurans konvensional; Perjudian; Aktiviti berkaitan minuman keras dan minuman keras; Aktiviti berkaitan daging babi dan babi; Makanan dan minuman tidak halal; Hiburan tidak patuh Syariah; dan aktiviti lain yang dianggap tidak mematuhi Syariah• 20%: perdagangan saham; perniagaan pembrokeran saham; sewaan yang diterima daripada aktiviti tidak patuh Syariah; dan aktiviti lain yang dianggap tidak mematuhi Syariah. Sumbangan aktiviti tidak patuh Syariah terhadap keseluruhan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai syarikat akan dikira dan dibandingkan dengan penanda aras aktiviti perniagaan yang berkaitan.
Penanda Aras Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• 33%: <u>Tunai melebihi Jumlah Aset:</u> Wang tunai hanya merangkumi wang tunai yang diletakkan ke dalam akaun dan instrumen konvensional, sedangkan wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun dan instrumen Islam akan dikecualikan dari pengiraan;

Hutang atas Jumlah Aset:

Hutang hanya merangkumi hutang yang dikenakan bunga sedangkan hutang / pembiayaan Islam atau sukuk akan dikecualikan dari pengiraan. Kedua-dua nisbah ini bertujuan untuk mengukur riba dan unsur-unsur berasaskan riba dalam kunci kira-kira syarikat, mestilah lebih rendah daripada 33%.

Rajah 3: Isu isu syariah dalam aplikasi modal teroka di dalam koperasi

<i>Sebelum</i>	<i>Sebelum</i>	<i>Semasa</i>	<i>Selepas</i>	<i>Selepas</i>		
<u>Pengumpulan Dana</u>	<u>Pelaburan</u>	<u>Pantauan</u>	<u>Keluar Pelaburan</u>	<u>Menuai</u>		
Penstrukturan dana	tabung	Urus sumber	Tadbir korporat	urus	Pemilihan masa yang sesuai	Pulangan kepada pelabur
Sumber modal		Kajian dan Analisa	Pantauan risiko		Pilihan jalan keluar	Agihan keuntungan atau kerugian
Rekod prestasi		Usaha wajar	Penilaian berterusan		Harga	Zakat
Mandat pelaburan		Rundingan dan penstrukturan	Perakaunan dan pentadbiran dana			Penyucian wang dari sumber yang haram
		Penstrukturan dokumentasi				
		Penentuan Terma dan syarat				
		Pengeluaran dana modal dari tabung dana				

KANDUNGAN / CONTENTS

Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary	43-54
Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.